

beristeri muda mesti meminta izin kepada isterinya yang tua, yang hendak bercerai pula mestilah mendapat persetujuan dari kedua belah pihak.

Benar, kalau dicari di dalam undang-undang negeri harus tidak ada undang-undangnya tetapi apa yang terjadi dan yang telah dijalankan oleh Mahkamah Syariah tidaklah menjadi rahsia lagi kepada umat Islam.

Kita suka menarik perhatian umat Islam kepada apa yang dikatakan telah diucapkan oleh Menteri Kehakiman dan Buruh, Tuan K.M. Byrne, sedikit masa dahulu terhadap kepada pertanyaan tentang *Chief* Kadi yang telah mengkahwinkan Syed Ahmad Jamalullail yang ada mempunyai isteri di Singapura. Menteri itu menyatakan: bahawa *Chief* Kadi adalah menjalankan kewajipannya menurut undang-undang syarak tetapi *Chief* Kadi telah melanggar hukum negeri.

Kalau perkara kahwin lebih daripada satu sah menurut hukum syarak tetapi *Chief* Kadi bersalah kerana melanggar hukum negeri, maka bolehkah Peguam Agung manafikan bahawa ada satu undang-undang negeri yang telah dibuat mengatasi syarak?

Kita berharap, kerajaan PETIR sekarang, menepati janjinya di dalam manifestonya dahulu bahawa mereka tidak akan mencampuri atau mengganggu hal ehwal agama Islam. Kerana itu sekiranya ada perkara-perkara yang mengenai umat Islam hendak diperundang-undangkan maka mustahak benar diperhati janganlah kiranya umat Islam terus dipaksakan untuk mengikutnya. Sekiranya ada timbul perasaan-perasaan rasa dipaksa maka demikian tentulah akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dan menjadikan umat Islam memandang tidak baik kepada apa yang dibuat oleh kerajaan adanya.



Yang di-Pertua "Ikhwan" Ke Tanah Suci

Tuan Syed Abdullah Hamid al-Edrus, tuan punya dan Ketua Pengarang Qalam, yang juga menjadi Yang di-Pertua "Ikhwan" telah berangkat ke Tanah Suci Makkah al-Mukarramah, suami isteri, untuk menunaikan fardu haji, dengan kapal "Kuala Lumpur" pada 26 April yang lalu.

Beliau akan melawat Timur Tengah untuk menghubungkan silaturrahim dengan kaum Muslimin di sana dan untuk meluaskan pemandangan.

Kami dari pekerja-pekerja Qalam dan anggota-anggota Ikhwan mengucapkan selamat berlayar, mudah-mudahan beliau suami isteri akan mendapat Haji Mabrur dan selamat kembali ke tanah air dengan sihat walafiat – Amin.

